

03 AUG 1999

GPMS-Jawatankuasa

JAWATANKUASA KHAS TANGANI MASALAH PRESTASI PELAJAR MELAYU

KUALA TERENGGANU, 3 Ogos (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) hari ini menggesa kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menangani masalah prestasi pendidikan pelajar Melayu yang semakin meruncing.

Setiausaha Agungnya Syed Anuar Syed Mohamad berkata jawatankuasa itu mesti dianggotai oleh pembuat dasar pendidikan, tokoh politik, tokoh akademik, kesatuan guru dan pelajar bagi membincangkan masalah pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi negara.

"Kita mahu jawatankuasa ini ditubuhkan segera agar satu rumusan mengenai pendekatan yang lebih berkesan dapat dicapai bagi mengubah prestasi pendidikan pelajar Melayu yang semakin merudum," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Ditanya sama ada pendedahan mengenai kelemahan pelajar Melayu itu oleh banyak tokoh penting negara boleh memburukkan lagi keadaan, beliau berkata sebenarnya perkara itu dapat menyedarkan banyak pihak untuk bertindak sebelum terlambat bagi mengubah prestasi pelajar berkenaan.

"Saya tidak menganggapnya sebagai pendedahan yang buruk, malah boleh menjadi semangat untuk bekerja keras bagi meningkatkan prestasi pendidikan pelajar berkenaan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata pihak yang paling penting untuk menyelesaikan masalah itu ialah pelajar sendiri manakala usaha sokongan boleh diberikan kerajaan dan masyarakat.

Beliau juga menyambut baik cadangan Senator Datuk Ghazi @ Hasbullah Ramli di Dewan Negara semalam supaya kerajaan mewujudkan suasana bersaing di kalangan pelajar dengan menawarkan biasiswa kepada pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang.

Sambil menyifatkan cadangan itu sebagai sesuatu yang tepat Syed Anuar berkata jika dilaksanakan ia pasti akan menjadi dorongan besar kepada pelajar untuk berjaya.

"Kami sokong cadangan itu tetapi pada masa yang sama kita juga berharap supaya pelajar Melayu tidak terlalu bergantung kepada insentif untuk mencipta kejayaan dalam pendidikan," katanya.

Beliau turut memuji langkah kerajaan Terengganu melalui Yayasan Terengganu yang menukarkan pinjaman kepada biasiswa jika pelajar berkenaan memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Sementara itu di KANGAR, Cuepacs yang turut menyarankan penubuhan jawatankuasa seumpama itu berkata kajian perlu dijalankan termasuk sistem pendidikan, persekitaran dan masalah keluarga.

Presidennya N. Siva Subramaniam berkata Cuepacs juga akan menyenaraikan beberapa perkara yang mungkin menjadi faktor penyebab kelemahan itu di samping mencadangkan kaedah mengatasinya kepada kerajaan.

Bercakap pada sidang media selepas perasmian seminar kajian semakan gaji anggota sektor awam di sini hari ini, beliau berkata, kelemahan para pelajar Melayu kini sering diperkatakan malah ada yang menganggap satu daripada puncanya disebabkan pemakanan.

"Pembangunan negara tidak bermakna tanpa penyertaan dan sumbangan orang Melayu," katanya.

Beliau berkata Cuepacs juga mahu kerajaan mengkaji lebih guru-guru agama di beberapa negeri tertentu hingga menimbulkan masalah untuk mengekalkan mereka di situ.

Beliau berkata, Cuepacs sedang mengkaji semakan gaji anggota sektor awam

mengikut Skim Saraan Baru (SSB) yang dilaksanakan sejak 1992 kerana terdapat beberapa kelemahan dalam sistem itu yang perlu diperbetulkan.

Katanya, Cuepacs tidak menghadapi masalah untuk membentangkan sesuatu kepada kerajaan apatah lagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan kakitangan sektor awam.

"Malaysia adalah satu-satu negara yang membolehkan kesatuan sekerja bertemu Perdana Menteri dengan mudah," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim ketika merasmikan seminar tiga hari yang dihadiri hampir 200 perwakilan itu memuji Cuepacs yang menjalin hubungan mesra dengan kerajaan.

Katanya, hubungan itu membolehkan kerajaan melihat masalah yang dihadapi oleh sektor awam dengan lebih sempurna.

-- BERNAMA

AD RHM